

Dr Asma Naib Canselor baru USIM

Kuala Lumpur: Prof Dr Asma Ismail dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang baru, menggantikan Datuk Prof Dr Muhamad Muda yang tamat tempoh lantikan hari ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata perantikan itu adalah untuk tempoh tiga tahun, berkuat kuasa 1 Disember tahun ini hingga 30 November 2015.



Asma Ismail

Pemilihan ikut kriteria ditetapkan

Katanya, pemilihan Asma adalah berasaskan kepada kriteria yang ditetapkan Kementerian dengan mengambil kira pengalaman akademik, penyelidikan dan pentadbirannya sebagai

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Sains Malaysia (USM), selain kepakaran beliau dalam bidang sains dan teknologi.

“USIM sebagai sebuah universiti yang memfokuskan kepada bidang sains dan teknologi berteraskan pengajian Islam sebagai bidang tujahan. Ia memerlukan kepimpinan mantap dan berkebolehan untuk memastikan universiti ini lebih cemerlang serta terus dapat bersaing dalam sektor pengajian tinggi negara,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Asma dilahirkan pada 15 Jun 1958 dan berasal dari Jitra, Kedah. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang mikrobiologi di Universiti Indiana, diikuti doktor falsafah dalam bidang selsular serta biologi molekul di Universiti Nevada, Reno di Amerika Syarikat pada 1986.